

PRAKTIS 1

SEJARAH Bab 1 - 2


SOALAN OBJEKTIF

Jawab semua soalan.

BAHAGIAN A

- Mengapakan negara kita mempunyai sistem pentadbiran yang stabil?
 - Negara kita kaya dengan hasil bumi
 - Kebijaksanaan pemerintah yang mentadbir negara
 - Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan beraja
 - Perkembangan dan kegemilangan kegiatan keintelektualan

- Rajah berikut menunjukkan sistem pemerintahan beraja.



Dalam sistem pemerintahan beraja, tugas X adalah untuk mentadbir jajahan atau daerah. Apakah tujuan sultan memerintahkan X sebagai pentadbir jajahan atau daerah?


- Untuk menyampaikan arahan daripada raja
 - Untuk membantu pentadbiran dan melaksanakan perintah raja
 - Untuk melengkapkan susun lapis dalam sistem pemerintahan beraja
 - Untuk menjaga keamanan, kemakmuran, kestabilan dan membantu mengukuhkan kedaulatan negeri
- Siapakah berhak melantik Yamtuan Besar dalam hierarki pemerintahan di Negeri Sembilan?
 - Buapak
 - Undang
 - Ibu Soko
 - Anak Buah

- Maklumat berikut berkaitan dengan pemimpin dalam pemerintahan Negeri Sembilan.

Individu yang mengetahui, memahami, menghafal adat dan asal usul kelompok kekeluargaan yang diwakilinya.

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan maklumat tersebut?

- Undang
 - Lembaga
 - Ibu Soko
 - Anak Buah
- Apakah tujuan pemerintah tempatan menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Belanda dan British?
 - Sebagai pelantik pemerintah tempatan sebagai raja
 - Untuk meluaskan pengaruh dan melindungi negara daripada ancaman musuh
 - Untuk mengukuhkan kuasa pemerintah tempatan daripada ancaman kuasa Barat yang lain
 - Untuk memaklumkan British dan Belanda bahawa Alam Melayu mempunyai undang-undang yang perlu dipatuhi
 - Rajah berikut menunjukkan sistem pemerintahan yang terdapat di negara kita.



Sistem pemerintah X dalam rajah tersebut ialah

- Sabah
- Melaka
- Sarawak
- Negeri Sembilan

- 7 Apakah faktor kemuncak kemakmuran negara yang menjadikan negara kita terkenal di persada dunia suatu masa dahulu?
- A Perkembangan keintelektualan dan persuratan
 - B Hasil galian diperdagangkan ke seluruh dunia
 - C Pelabuhan negara kita menjadi tumpuan para pedagang di seluruh dunia
 - D Masyarakat yang kreatif dan berkemahiran tinggi untuk menjana pendapat ekonomi negara

- 8 Apakah jawatan pembesar yang dilantik oleh sultan untuk menguruskan pelabuhan?
- A Bendahara
 - B Laksamana
 - C Syahbandar
 - D Temenggung

- 9 Senarai berikut berkaitan dengan sistem timbangan dan ukuran di negeri-negeri Melayu.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Kati• Tahil• Pikul |
|--|

Pedagang negara manakah yang menggunakan sistem timbangan tersebut?

- A India
 - B China
 - C British
 - D Belanda
- 10 Bagaimanakah penduduk Sarawak mendapat pendidikan secara tidak formal?
- A Melalui perhubungan dengan rakan sebaya
 - B Melalui ibu bapa ketika mereka berburu di hutan
 - C Melalui puisi, syair dan peribahasa yang selalu diungkapkan dalam perbualan seharian
 - D Melalui cerita lisan yang berkaitan dengan amalan dan kepercayaan turun temurun sesuatu etnik

- 11 Mengapakah Sultan Kedah menganugerahkan pelabuhan Batu Uban di Pulau Pinang kepada orang Sumatera?

- A Untuk mengekalkan Batu Uban daripada dikuasai oleh British
- B Orang Sumatera yang mula-mula membuka petempatan di Batu Uban
- C Orang Sumatera menjadi Batu Uban sebagai pelabuhan dagang mereka
- D Untuk membalas jasa orang Sumatera yang membantu Kesultanan Kedah menentang Siam

- 12 Apakah tujuan British berusaha menjadikan Pulau Pinang sebagai pelabuhan persinggahan?

- I Untuk dijadikan pangkalan tentera
- II Untuk mendapatkan bekalan makanan dan minuman
- III Sebagai tempat berlindung daripada ancaman Siam
- IV Sebagai titik tolak penguasaan British di Tanah Melayu

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 13 Apakah strategi British apabila kehilangan Amerika sebagai tanah jajahan pada abad ke-18?

- A Menjalankan hubungan perdagangan dengan China dan India
- B Berusaha meneroka petempatan di kawasan Asia Pasifik
- C Berusaha menguasai tanah jajahan yang dikuasai oleh Amerika
- D Menguasai pelabuhan Canton di China sebagai pusat pengumpulan bahan makanan

- 14 Apakah kesan jangka panjang apabila Sultan Kedah memohon bantuan ketenteraan daripada Syarikat Hindia Timur Inggeris ketika diancam Siam?

- A Kedah berjaya mengekalkan kedaulatan
- B Kedah terselamat daripada ancaman Siam
- C Kedah terpaksa menerima penasihat British
- D Pulau Pinang yang menjadi wilayah Kedah terpaksa diserahkan kepada British

15 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan pemerintah tempatan.

- Kedah meminta bantuan ketenteraan daripada Syarikat Hindia Timur Inggeris
- Sultan Abdul Rahman membuat hubungan dengan Belanda

Apakah iktibar yang boleh diteladani hasil tindakan tersebut?

- A Kita perlu berwaspada dalam membuat keputusan terutama dengan kuasa asing
- B Kita perlu bergantung dengan kuasa asing untuk mengukuhkan kuasa dan kedaulatan negara
- C Kita perlu mengadakan hubungan diplomatik dengan kuasa asing jika ingin meluaskan pengaruh dan kuasa
- D Pemerintah perlu berbaik-baik dengan kuasa asing terutama kuasa Barat supaya negara terselamat daripada serangan musuh

16 Perjanjian London telah ditandatangani antara British dengan Belanda pada tahun 1824.

Apakah yang berlaku kepada Alam Melayu selepas perjanjian tersebut dimeterai tanpa pengetahuan Raja-raja Melayu?

- A Pelabuhan Melaka dan Betawi kurang mendapat sambutan daripada para pedagang
- B Indonesia berjaya mendapat kemerdekaan daripada Belanda hanya melalui rundingan
- C Empayar Kesultanan Johor Riau berpecah belah kerana dibahagi-bahagikan kekuasaannya oleh British dan Belanda
- D Negeri-negeri menjadi tidak aman kerana Sultan Melaka yang dibantu oleh Portugis sering menyerang penguasaan Belanda di Melaka

17 Maklumat berikut berkaitan dengan Negeri-negeri Selat 1826.

Pulau Pinang, Singapura dan Melaka telah digabungkan menjadi satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Selat.

Apakah tujuan penggabungan tersebut?

- A Untuk menjimatkan perbelanjaan dan menyeragamkan pentadbiran
- B Untuk menyekat pengaruh Amerika yang mencuba untuk membuka petempatan di Langkawi
- C Untuk menjadikan Singapura sebagai pelabuhan eksport dan import serta tempat menjadi tumpuan para pedagang
- D Untuk menyekat Raja-raja Melayu menjual hasil bijih timah dan rempah ratus kepada Belanda

18 Mengapakah pentadbiran Negeri-negeri Selat yang ditadbir oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris di India diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat India?

- A British mahu para pedagang Syarikat Hindia Timur Inggeris memajukan pelabuhan Goa di India
- B Residen Konsular di Negeri-negeri Selat tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan jika berlaku masalah
- C Pejabat India tidak memberikan perhatian yang sewajarnya untuk melindungi pedagang Negeri-negeri Selat
- D Pedagang persendirian (*Country Trader*) yang merupakan bekas pedagang Syarikat Hindia Timur Inggeris enggan berdagang di pelabuhan di Negeri-negeri Selat

19 Apakah tujuan Pejabat Tanah Jajahan London menubuhkan Majlis Perundangan di Negeri-negeri Selat?

- A Menjaga kebajikan pedagang luar
- B Menggubal dan meluluskan undang-undang
- C Mengambil alih pentadbiran Negeri-negeri Selat
- D Menentukan kelayakan seseorang Gabenor Negeri-negeri Selat

20 Bagaimanakah cara kita mempertahankan negara daripada serangan musuh?

- A Memulau barangan yang dihasilkan negara yang dianggap musuh
- B Berusaha untuk mengadakan rundingan dan perjanjian dengan mereka
- C Perlu sentiasa cakna dengan perancangan strategik kuasa asing yang mencurigakan
- D Sentiasa mengawal perairan negara dengan meletakkan lebih ramai anggota keselamatan